

**NO. SOALAN: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**  
**TARIKH : 7 MAC 2018 (RABU)**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah dan perancangan Kementerian untuk mengawal dan menyelesaikan isu kenaikan harga barang keperluan harian yang semakin membebankan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sememangnya peka dan prihatin terhadap isu-isu melibatkan taraf hidup rakyat pada masa kini. Pelbagai inisiatif dan program telah diambil bagi memastikan taraf hidup rakyat di negara dijaga, antara lainnya ialah seperti berikut:

- i) Menubuhkan **Majlis Tindakan Sara Hidup Negara** bagi memberi tumpuan kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang proaktif bagi mendepani cabaran kenaikan kos sara hidup serta membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan lebih berkesan;
- ii) Menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;
- iii) Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** semasa 6 perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas;
- iv) Menghadkan **kadar faedah maksimum bagi transaksi jualan kredit** kepada 15% setahun berbanding sebelumnya yang mencecah sehingga 40% setahun;
- v) Melaksanakan program **Penyeragaman Harga Barang Perlu** bagi membolehkan masyarakat di kawasan pendalaman memperolehi barang-barang keperluan pengguna seperti

beras, gula, minyak masak, tepung gandum, LPG, petrol RON 95 dan diesel pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan;

- vi) Mengadakan **kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)** bagi meningkatkan bekalan makanan melalui program-program seperti Program Stok Bekalan Makanan, Program Jualan Ikan Segar Beku (Q-Fish) dan sebagainya;
- vii) mewujudkan **MyFARM Outlet** dengan kerjasama MOA serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi membolehkan rakyat memperoleh barangan keperluan makanan pada harga yang berpatutan; dan
- viii) menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Selaras dengan matlamat sebagai **Caring Ministry**, Kementerian berharap, usaha-usaha yang telah dinyatakan ini akan dapat membantu menangani isu harga barangan dengan lebih baik demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

**SOALAN NO.62****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI  
A/P PATTO [ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 7 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:**

(a) senarai daftar pemilih yang manakah yang akan digunakan dalam PRU14 ini dan apakah proses bagi pengundi luar negara serta proses mengira undi ; dan

(b) siapakah yang layak sebagai pengundi pos dan pengundi awal serta bilangannya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Peraturan 9, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, bagi maksud suatu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menentukan mana-mana daftar pemilih induk dan daftar pemilih tambahan yang terakhir diperakui sebelum pembubaran Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri atau semasa berlaku kekosongan untuk digunakan dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil tersebut. Justeru, memandangkan Dewan Rakyat Ke-13 masih belum dibubarkan, maka SPR belum menentukan daftar pemilih induk atau daftar pemilih tambahan yang akan diguna pakai bagi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU Ke-14).

Berhubung dengan warganegara Malaysia yang berada di luar negara untuk melaksanakan pengundian melalui pos, mereka perlu membuat permohonan dengan mengisi Borang Permohonan Undi Pos Luar Negara (Borang 1B) bagi membolehkan kertas undi dihantar kepada mereka melalui pos.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pengiraan undi akan dilaksanakan setelah tempoh pengundian tamat. Proses pengiraan undi pos luar negara adalah sama dengan proses pengiraan undi biasa di tempat yang akan ditentukan oleh Pegawai Pengurus di mana ia dilaksanakan di

hadapan Ejen Mengira Undi (EMU). Oleh yang demikian, EMU memainkan peranan yang penting sebagai pemerhati bagi memastikan proses pengiraan yang dilaksanakan oleh Ketua Mengira Undi adalah mengikut proses yang betul.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003, mana-mana pemilih layak untuk mengundi secara pos jika termasuk dalam salah satu daripada kategori-kategori seperti berikut:

- (i) pengundi tidak hadir di bawah Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 iaitu penjawat awam yang bertugas di luar Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta pasangan mereka dan pelajar sepenuh masa di luar Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta pasangan mereka yang tinggal bersama di luar negara;
- (ii) pengundi berdaftar di bawah peruntukan Peraturan 27A(1)(a) dan (c), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 iaitu anggota tentera dan anggota polis tetap yang tidak dapat hadir mengundi pada hari mengundi awal;
- (iii) pegawai dan petugas pilihan raya yang bertugas pada hari mengundi awal atau hari mengundi;

- (iv) Ahli SPR yang dilantik di bawah Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan; atau
- (v) mana-mana pengundi berdaftar yang termasuk dalam kategori orang yang ditetapkan untuk mengundi secara pos melalui notis yang diwartakan oleh SPR.

Manakala berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Peraturan 27A(1)(a) dan (c), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, mana-mana pemilih berdaftar dikehendaki mengundi awal jika termasuk dalam salah satu daripada kategori-kategori seperti berikut:

- (i) pengundi tidak hadir (PTH) di bawah peruntukan Peraturan 2(a) dan (b), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 iaitu anggota tentera, dan pasangan mereka yang telah memilih untuk mendaftar sebagai PTH;
- (ii) anggota Polis DiRaja Malaysia yang berkhidmat secara tetap; atau
- (iii) pasangan kepada anggota polis yang berkhidmat dalam Pasukan Gerakan Am.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengundi awal di seluruh negara sehingga 31 Disember 2017 adalah seramai 300,295 orang. Walau

159

bagaimanapun, jumlah bilangan pengundi pos masih belum dimuktamadkan kerana tempoh permohonan undi pos masih dibuka untuk dimohon oleh mereka yang layak.

Sekian, terima kasih.